

PERKEMBANGAN PERSEMBAHAN HADRAH DI TIGA TEMPAT: PELESTARIAN DAN PEMBANGUNAN WARISAN SENI BUDAYA MELAYU

*Ahmad Hakimi Khairuddin, dan
Profesor Madya Dr. Zahir bin Ahmad
Akademi Pengajian Melayu,
Universiti Malaya*

PENGENALAN

Persembahan hadrah adalah satu bentuk seni persembahan yang terkenal di kawasan utara semenanjung Malaysia, khususnya di negeri Perlis dan juga negeri Kedah. Sungguhpun terdapat juga persembahan Hadrah di negeri Johor, persembahan di kawasan selatan semenanjung Malaysia ini agak berbeza dari persembahan-persembahan di kawasan utara dan kurang menunjukkan kaitan antara satu sama lain. Kertaskerja ini menumpukan perhatian kepada persembahan hadrah di kawasan utara semenanjung Malaysia oleh kerana terdapat persembahan-persembahan di kawasan ini banyak menunjukkan persamaan serta perkembangan. Tiga kumpulan hadrah telah diperhatikan; satu di Kedah, satu di Perlis dan satu lagi di Selama, Perak.

Persembahan Hadrah merupakan satu bentuk hiburan masyarakat awam yang masih mendapat sambutan ramai (sungguhpun sudah banyak berkurangan). Ianya banyak dipersembahkan dimajlis-majlis kerja kahwin dan juga di majlis-majlis keramaian yang lain. Mengikut kebiasaannya, persembahan hadrah ini dibuat pada malam hari.

Terdapat beberapa pendapat yang berbeza tentang asal usul persembahan hadrah di kalangan sarjana dan pengiat seni di kawasan utara Malaysia. Pendapat yang pertama mengatakan bahawa persembahan ini berasal dari kawasan tempatan. Pendapat ini mengaitkan asal usul persembahan hadrah dengan cerita tentang orang-orang yang tersesat di dalam hutan. Untuk menghilangkan rasa bosan mereka mengadakan persembahan hadrah. Permainan gendang tersebut didengari (dari jauh dan kemudian ditemui) oleh orang-orang raja yang melalui kawasan tersebut lalu mereka dijemput untuk mengadakan persembahan di istana.

Terdapat satu versi persembahan hadrah yang mengatakan bahawa orang-orang yang tersesat di dalam hutan telah mendengar bunyi pukulan gendang. Apabila mereka sampai ke kawasan di mana bunyi pukulan gendang tersebut berasal, mereka mendapati bahawa bunyi itu datangnya dari satu pokok. Mereka memotong pokok tersebut untuk mengetahui apakah sebenarnya yang menyebabkan bunyi tersebut. Setelah memotong pokok tersebut, mereka mendapati bahawa pokok itu kosong di bahagian dalamnya. Mereka mendapat ilham untuk membuat gendang hadrah (yang masih digunakan pada hari ini dan berbeza dari gendang kompang asal-usulnya dari kawasan Arab-Parsi). Selain daripada itu, orang-orang itu juga mendapat ilham bermain gendang (mengikuti rentak yang mereka dengar) dan cara tarian.

Ada pendapat lain pula yang mengatakan bahawa permainan ini berasal dari Arab-Parsi. Ianya dibawa ke utara semenanjung melalui perdagangan. Bagaimanapun pengamal-pengamal hadrah yang ditemui tidak dapat memberikan tarikh sebenar bilakah persembahan tersebut mula mendapat tempat di Perlis dan juga Kedah.

Persembahan hadrah adalah satu persembahan kumpulan. Kumpulan hadrah yang menyanyi dengan diiringi oleh pukulan gendang, gong dan kadangkala juga dengan gesekan biola (Biola hanya untuk sesetengah lagu seperti lagu khadami yang menunjukkan unsur-unsur kebudayaan Melayu). Persembahan asal hadrah menggunakan dua jenis gendang, iaitu gendang pengibu dan penganak. Penkaji ada melihat pengubahsuaian apabila gendang rebana ubi digunakan dalam persembahan. Gendang pengibu adalah lebih besar berbanding dengan penganak. Jumlah gendang pengibu dan penganak ini adalah bergantung kepada jumlah ahli hadrah. Selalunya jumlahnya lebih daripada 10 buah. Gendang-gendang ini diperbuat daripada kayu nangka, manakala kulitnya pula daripada kulit lembu ataupun kambing.

Dalam persembahan hadrah, selain daripada nyanyian ada penari yang turut serta menarikan setiap lagu yang dipersembahkan. Penari-penari ini boleh terdiri daripada kaum lelaki dan perempuan. Mengikuti salah satu cerita asal-usul persembahan hadrah penari-penari asal merupakan kaum wanita. Pengkaji-pengkaji mendapati bahawa penari-penari yang memegang watak perempuan boleh terdiri daripada orang perempuan sebenar ataupun orang lelaki yang berpakaian perempuan. Antara alasan yang diberi mengapa penari lelaki berpakaian perempuan digunakan dalam persembahan hadrah adalah kerana ianya merupakan penyesuaian kepada keperluan agama Islam yang melarang orang perempuan terlibat menari dalam persembahan tersebut. Dalam kajian yang telah dijalankan, pengkaji-pengkaji mendapati bahawa dua kumpulan hadrah di Perlis dan juga Kedah menggunakan lelaki yang berpakaian wanita, manakala untuk kumpulan di Selama, Perak pula mereka menggunakan penari-penari wanita dan juga lelaki.

Persembahan hadrah di negeri Perak sudah banyak mengalami perubahan dan pengubahsuaian jika dibandingkan dengan persembahan hadrah di Kedah dan Perlis. Perubahan-perubahan yang dapat dikesan adalah dari segi cara pemakaian, kumpulan penari yang lebih ramai, gerak tari dan juga senikata lagu. Persembahan hadrah di negeri-negeri Kedah dan Perlis kelihatan agak sama dari ciri-ciri asasnya. Hal ini mungkin terjadi kerana jarak yang tidak jauh di antara kumpulan-kumpulan hadrah yang diteliti di negeri-negeri Perlis dan Kedah. Di negeri Kedah, satu-satu kumpulan hadrah yang masih aktif pada waktu kajian dibuat adalah kumpulan daripada Jitra, manakala di negeri Perlis pula masih terdapat lebih daripada 10 kumpulan hadrah yang aktif.

Untuk tujuan penulisan kertas kerja ini kami mengambil persembahan tiga kumpulan yang tersebut. Kumpulan hadrah yang pertama adalah Kumpulan Hadrah Setia Jaya, Kampung Abi Nisam dari Kangar, Perlis. Kumpulan yang kedua pula adalah kumpulan Hadrah Cahaya Bulan Kampung Lubuk Ipoh, Jitra, Kedah.

Kumpulan yang ketiga menggunakan nama Kumpulan Hadrah Seri Cahaya Bulan dan berasal dari Selama, Perak.

Tujuan kertas kerja ini adalah untuk melihat perkembangan persembahan hadrah seperti yang dapat dilihat daripada ketiga-tiga kumpulan hadrah ini dengan tujuan untuk menonjolkan aspek pembangunan serta pelestarian salah satu warisan seni-budaya Melayu.

KONSEP-KONSEP PENTING

Terdapat beberapa konsep-konsep penting yang perlu diberi takrif-kerja (*working definition*) untuk tujuan kertaskerja ini. Konsep-konsep ini penting untuk memudahkan perbincangan lanjut tentang perkara-perkara yang disentuh dalam kertas ini.

a. Kebudayaan

Kebudayaan adalah satu konsep yang mempunyai banyak makna yang berbeza mengikut bidang pengajian. Untuk tujuan kertaskerja ini, istilah kebudayaan akan digunakan (dan bukannya budaya). Istilah ini digunakan untuk menunjukkan bahawa kebudayaan adalah sesuatu yang dihasilkan oleh manusia dan bukannya bersifat semulajadi.

Kebudayaan diberi takrif-kerja sebagai satu sistem ilmu pengetahuan yang membolehkan manusia berinteraksi dengan i) manusia lain, ii) alam sekitar, dan iii) kuasa-kuasa ghaib. Sebenarnya takrif-kerja yang diberikan ini berkait rapat dengan bidang pengajian antropologi kebudayaan. Kebudayaan dilihat secara keseluruhan dan merangkumi segala aspek kehidupan manusia termasuk agama, kesenian, politik, ekonomi dan sosial. Aspek-aspek ini tidak dibezakan atau diberi tumpuan khusus, sebaliknya diberi penekanan sebagai komponen-komponen penting kebudayaan yang perlu dilihat pada waktu yang sama dan secara menyeluruh. Semua komponen-komponen dalam kebudayaan dianggap sebagai berkait rapat antara satu sama lain dan mana-mana satu komponen yang diubah akan mengubah komponen-komponen yang lain dalam kebudayaan.

Kebudayaan yang sihat dilihat sebagai dalam keadaan kestabilan dinamik (*dynamic stability*). Ini bermakna bahawa kebudayaan sentiasa berubah sedikit demi sedikit dengan keadaan yang terkawal untuk memastikan bahawa ianya masih sesuai (dan relevan) dengan perkembangan dunia persekitaran dan keadaan semasa. Kebudayaan dianggap sebagai warisan manusia yang penting oleh kerana ianya merangkumi keseluruhan ilmu pengetahuan sesuatu kumpulan manusia yang diturunkan dari satu generasi ke generasi seterusnya.

b. Nilai-nilai

Nilai-nilai adalah perkara yang penting dalam sesuatu kebudayaan. Nilai-nilai merupakan penilaian (baik atau buruk) terhadap perkara-perkara yang diberikan (atau diwarisi) oleh sesuatu kebudayaan dan dianggap sebagai mencerminkan pandangan kebudayaan tersebut tentang perkara-perkara dalam kehidupan manusia.

Mengikut pandangan antropologi kebudayaan, setiap kebudayaan mempunyai sistem nilai mereka yang tersendiri. Semua nilai-nilai yang terdapat dalam sesebuah kebudayaan merupakan asas kepada keunikan kebudayaan tersebut, dan yang membezakan satu kebudayaan daripada satu kebudayaan yang lain. Nilai-nilai kebudayaan kita memberitahu kita apakah perkara-perkara yang betul dan tidak betul. Pada waktu yang sama, nilai-nilai bersifat relatif (tidak mutlak). Tidak ada nilai yang tepat (atau tidak dapat dipertikaikan) untuk perkara-perkara seperti baik, jahat, buruk, cantik, busuk, dan wangi.

Semua manusia sentiasa bersifat etnosentrik. Kita sentiasa menganggap nilai-nilai kebudayaan kita sebagai terbaik dan menganggap nilai-nilai orang lain sebagai tidak baik atau tidak sesuai. Etnosentrisme merupakan satu perkara biasa. Terdapat kemungkinan bahawa etnosentrisme adalah satu mekanisme yang berfungsi dalam sesuatu kebudayaan untuk pengekalan nilai-nilai kebudayaan tersebut.

c. Pelestarian Kebudayaan

Pelestarian kebudayaan merupakan satu perkara yang mempunyai *contradiction*. Untuk mengekalkan sesuatu kebudayaan, kita perlu memastikan semua aspek-aspek kebudayaan tidak berubah. Akan tetapi, mengikut takrif-kerja yang diberikan, kebudayaan sentiasa akan berubah. Untuk tujuan kertas-kerja ini, pelestarian kebudayaan lebih merujuk kepada keadaan di mana sesuatu kumpulan manusia mampu mengekalkan kebudayaannya supaya ianya masih relevan dengan perkembangan dunia, dan pada waktu yang sama masih mampu untuk mengekalkan nilai-nilai teras kebudayaan tersebut. Keadaan ini lebih menepati keadaan kestabilan dinamika yang telah diterangkan terlebih awal.

Kertas kerja ini akan menumpukan perhatian kepada perkembangan persembahan hadrah yang menjurus kepada pengubahsuaian nilai-nilai. Nilai-nilai yang dimaksudkan adalah nilai-nilai yang terdapat di sebalik persembahan hadrah.

NILAI KEPERCAYAAN KUASA GHAIB DALAM PERSEMBAHAN HADRAH

Apabila kita melihat persembahan hadrah pada kali pertama, kita melihat persembahan itu sebagai satu bentuk hiburan masyarakat awam semata-mata. Apabila diteliti dengan lebih lanjut, pengkaji-pengkaji mendapati bahawa terdapat satu kepercayaan tentang kuasa ghaib yang dimasukkan dalam persembahan ini. Kepercayaan ini tidak begitu jelas, dan oleh yang demikian kurang diambil perhatian oleh sarjana-sarjana.

Seperti yang dijelaskan terlebih awal, salah satu dari cerita asal-usul persembahan hadrah ada mengatakan tentang mendapat ilham membuat gendang dan cara permainan gendang serta tarian yang berkaitan. Pengkaji-pengkaji mendapati bahawa dalam persembahan hadrah di negeri Perlis dan negeri Kedah (yang kami anggarkan lebih banyak mengekalkan bentuk persembahan asal) mempunyai tatacara tertentu dalam persembahannya. Selain daripada aspek upacara tepung tawar untuk menghindar perkara-perkara buruk yang mungkin terjadi semasa persembahkan hadrah, terdapat satu lagi aspek dalam persembahan hadrah yang memperlihatkan kepercayaan kepada makhluk-makhluk halus. Upacara tepung tawar dianggap sebagai satu upacara biasa yang sering dilakukan sebelum sesuatu persembahan tradisional masyarakat Melayu. Banyak kajian-kajian telah dijalankan tentang perkara ini dan bukannya tujuan kertaskerja ini untuk menumpukan perhatian kepada upacara ini.

Sebaliknya, pengkaji-pengkaji lebih berminat dengan tatacara dan urutan nyanyian semasa persembahan hadrah kerana ianya ada mencerminkan sesuatu yang ganjil. Seperti yang pernah dilaporkan oleh pengkaji-pengkaji lain sebelum ini, sebahagian daripada nyanyian-nyanyian dalam persembahan hadrah menggunakan perkataan-perkataan yang tidak dapat diketahui atau difahami maknanya liriknya. Terdapat banyak pendapat-pendapat yang mencadangkan bahawa ini menunjukkan kemungkinan asal-usul persembahan tersebut dari kawasan luar. Kami mendapati bahawa persembahan-persembahan hadrah di negeri Perli dan negeri Kedah yang mesti dimulakan dengan nyanyian beberapa lagu tertentu mengikut urutannya. Keperluan mengikut urutan ini tidak terdapat dalam persembahan hadrah negeri Perak (dan akan diterangkan mengapa kemudian).

Salah satu nyanyian yang wajib dalam persembahan hadrah di negeri-negeri Perlis dan Kedah adalah lagu "Ayuhai Lakampare". Di dalam senikata lagu ini, ada disebutkan tentang "pari-pari". Ianya menceritakan tentang pari-pari yang melayang-layang di udara. Sila lihat satu rangkap dari lagu ini seperti yang terdapat dibawah ini.

Ayuhai lakampare
Pare melayang
Di atas udara
Walau tuan

Menurut *Kamus Dewan* (1994), pari ialah dewa atau roh perempuan yang elok rupanya. Ini sesuai dengan kepercayaan masyarakat Melayu di utara (orang tua-tua) yang percaya bahawa pari-pari itu adalah makhluk halus perempuan yang cantik rupa parasnya. Seperti yang telah dijelaskan, lagu "Ayuhai Lakampare" ini menjadi lagu wajib dalam repertoire persembahan hadrah.

Unsur dewa dalam nyanyi wajib persembahan Hadrah mencadangkan bahawa persembahan ini mempunyai kaitan dengan kepercayaan-kepercayaan masyarakat Melayu di kawasan utara, satu kepercayaan lama yang mungkin berasal sebelum kedatangan agama Islam ke semenanjung Malaysia. Apabila pengkaji-pengkaji berhadapan dengan penemuan ini, kami berbelah bahagi tentang kesesuaian bentuk kesenian ini untuk dikekalkan. Pada satu sudut pandangan, ianya mungkin merupakan bentuk kesenian asli yang hampir pupus dan perlu disimpan sebagai warisan seni budaya Melayu. Akan tetapi, aspek kepercayaan kepada makhluk halus ini tidak begitu sesuai dengan keperluan ajaran agama Islam.

Apabila pengkaji-pengkaji pergi ke Selama, Perak untuk meneliti persembahan hadrah di sana, salah satu perkara yang kami tertanya-tanya adalah samada nyanyian lagu "Ayuhai Kampare" masih dikekalkan dalam persembahan mereka. Kami dapati bahawa lagu tersebut masih ada walaupun tidak lagi diwajibkan. Tambahan pula terdapat satu lagu baru yang seringkali dinyanyikan selepas lagu tersebut, iaitu lagu "Burung Ke Oi Suda".

Senikata lagu "Burung Ke Oi Suda" ada juga menyebutkan tentang pari-pari ini. Sama seperti nyanyian lagu "Ayuhai Kampare", sebahagian daripada senikatanya sukar untuk difahami:

Burung ke oi suda
Burung la ke oi suda
Dikir soda dikir noba
Ilam pari ilam
Sama ra ai sama rupa
Ahai siraja pari-pari si raja raja
Ilam pari ilam
Sama ra ai sama rupa

Sebab kedua-dua lagu ini menyanyikan tentang pari-pari kurang jelas. Barangkali ianya ada hubungan dengan lagi satu cerita asal-usul persembahan hadrah ini yang menceritakan orang yang tersesat di hutan dan dengan pertolongan pari-pari ini mereka mendapat jalan pulang.

Pari-pari merupakan makhluk-makhluk yang membentuk sebahagian daripada kepercayaan masyarakat Melayu lama. Orang-orang Melayu pada satu masa dahulu menganggap bahawa terdapat sejenis makhluk lain yang tinggal di dunia atas (atau kayangan). Makhluk ini selalu turun naik di antara dunia bumi dengan dunia kayangan. Sesetengah pengiat hadrah mempercayai bahawa sering terjadi hubungan di antara kedua-dua makhluk ini dalam bentuk pertolongan magis.

Kepercayaan-kepercayaan seperti ini sebenarnya bukan sahaja terlihat dalam persembahan hadrah tetapi dapat juga ditemui dalam cerita-cerita rakyat

Melayu lama. Dalam cerita-cerita rakyat (khususnya cerita penglipur lara), terdapat beberapa versi yang berlainan yang secara umumnya menceritakan bagaimana anak-anak raja di dunia yang mengembara di dalam hutan belantara dan kemudiannya bertemu dengan puteri-puteri dari kayangan (pari-pari) yang sedang mandi manda. Anak raja melihat mereka terbang seperti sekumpulan burung ke kolam dan membuka baju mereka (serta berubah bentuk menjadi manusia) sebelum masuk ke kolam tersebut untuk mandi. Perkahwinan berlaku di antara putera raja itu dengan pari-pari yang tercantik apabila si putera raja dapat mencuri baju layang pari-pari yang menyebabkan dia tidak dapat berubah bentuk dan melayang naik ke kayangan. Malah kadangkala ada diceritakan tentang bagaimana anak-anak raja itu turut melayang naik ke kayangan kerana mengikutkan isterinya yang lari kerana merajuk di atas sebab-sebab yang tertentu.

Perkara yang menarik perhati pengkaji-pengkaji tentang lagu kedua yang dinyanyikan oleh kumpulan hadrah di Selama adalah apabila ianya dinyanyikan, lagu ini kendengaran seperti berbunyi burung k. o. sudah. K.o. merupakan singkatan daripada perkataan inggeris *knock out*. Memang orang Melayu sering menggunakan perkataan k.o. untuk menyatakan bahawa seseorang itu telah kalah. Ada terdapat kemungkinan bahawa maksud asal lagu ini lebih menjurus kepada menunjukkan aspek pari-pari ini sudah dikalahkan.

Apabila perbincangan lanjut dengan ahli-ahli lama yang terlibat dengan persembahan hadrah di Selama, pengkaji-pengkaji mendapati bahawa mereka tidak mengetahui apakah sebenarnya yang mereka (telah) nyanyikan. Mereka hanya dapat menyatakan bahawa persembahan ini diperkenalkan kepada kampung mereka sekitar tahun-tahun sebelum kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu oleh seorang dari utara yang mempunyai pegangan agama Islam yang kuat. Beliau mengajar persembahan ini dengan menunjukkan pelbagai pembaharuan yang sesuai dengan ajaran agama Islam. Antaranya adalah tidak membenarkan penari lelaki memakai pakaian wanita dan tidak membenarkan kaedah tarian meliut digunakan oleh penari wanita kerana ianya kurang sopan. Terdapat juga nyanyian-nyanyian bercorak keagamaan yang dimasukkan dalam repertoire persembahan hadrah di Selama. Kaedah tarian meliut adalah satu kaedah yang terdapat dalam tarian menora dan diamalkan oleh masyarakat Siam di negeri Kedah dan Perlis. Kaedah ini tidak diperhatikan oleh pengkaji-pengkaji dalam persembahan hadrah negeri Kedah dan Perlis.

Pengkaji-pengkaji berpendapat bahawa kemungkinan tokoh yang membawa persembahan hadrah ke Selama memahami nilai-nilai sebenar di sebalik persembahan hadrah dan menukarkan aspek-aspek tertentu dalam persembahan tersebut sehingga ianya lebih sesuai dengan keperluan ajaran agama Islam. Kami dapati bahawa persembahan hadrah di Selama begitu sesuai sekali untuk tuntunan masyarakat umum. Persembahan hadrah di negeri Kedah dan negeri Perlis banyak mengeluarkan perasaan tidak senang hati.

Perkara penting yang ditimbulkan oleh bagaimana persembahan hadrah yang terdapat di Selama, Perak diubahsuai oleh ahli-ahli masyarakat mereka pada satu masa dahulu supaya ianya lebih bertepatan dengan ajaran agama Islam. Pengubahsuaian ini menunjukkan pembangunan nilai-nilai Islam dalam bentuk persembahan hadrah. Akhirnya yang menjadi penting dalam pembentukan dan pelestarian warisan seni budaya Melayu terutamanya dalam kes persembahan hadrah di Selama adalah masyarakat Melayu sendiri.

Pengubahsuaian kebudayaan (yang mana kesenian dianggap sebagai sebahagian daripada kebudayaan seperti yang telah dijelaskan terlebih dahulu dalam kertas ini) adalah satu perkara yang sentiasa berlaku. Apabila kita memberhentikan perbuahan/pengubahsuaian berlaku, sesuatu kebudayaan itu akan menjadi statik dan hilang kesesuaiannya untuk digunakan dalam keadaan dunia yang berubah-ubah,

terutamanya dalam era globalisasi di mana kita didedahkan kepada pelbagai unsur-unsur asing yang sentiasa memaksa kita mengubah kebudayaan kita. Pelestarian kebudayaan melalui pembangunan berterusan (atau kestabilan dinamika) seperti yang dicadangkan terlebih dahulu hanya boleh berlaku bila ahli-ahli masyarakat peka kepada perubahan-perubahan yang berlaku dan memahami sejauh mana kesan perubahan-perubahan kepada kebudayaan. Ini melibatkan penyebaran ilmu dan memberi masyarakat pengajaran yang mencukupi tentang nilai-nilai kebudayaan mereka. Dalam kes perkembangan persembahan hadrah di Selama, kita dapatlah bahawa orang-orang yang terlibat dalam penguinubahan nilai-nilai dalam persembahan tersebut mempunyai pengetahuan yang mencukupi untuk memahami masalah-masalah berkaitan dengan pengekaln nilai-nilai yang lama sehinggakan mereka mengubahnya dan memperkenalkan nilai-nilai yang baru.

KESIMPULAN

Persembahan hadrah tradisional ada menyelitkn unsur-unsur magis yang berasal daripada kepercayaan masyarakat Melayu dahulu yang tidak begitu sesuai dengan ajaran agama Islam. Penguinubahan terhadap persembahan ini untuk menyesuaikan ia kepada nilai-nilai ajaran agama Islam telah diperhatikan di Selama, Perak. Penguinubahan ini menunjukkan pembangunan ke arah agama Islam. Penguinubahan yang dilakukan memerlukan ilmu pengetahuan yang mencukupi dipelajari oleh orang-orang yang melakukannya bukan sahaja dari segi agama Islam, akan tetapi dari segi memahami keseluruhan persembahan hadrah tersebut. Penguinubahan ini seiring dengan pelestarian dan pembangunan warisan seni budaya Melayu yang berteraskan ajaran agama Islam.

PENGHARGAAN

Kertas kerja ini berdasarkan kepada penglibatan pengkaji-pengkaji dalam Projek Rakaman Lagu Rakyat (Perlis, Kedah dan Perak) yang ditaja oleh Bahagian Kesusasteraan Tradicional, Dewan Bahasa dan Pustaka

Rujukan

- Abdul Samad Ahmad 1990 *Seni Lagu dan Permainan Tradisi*. Kuala Lumpur: Cetaktama Sdn. Bhd.
- Ahmad Hakimi bin Khairuddin 2000 Kertas kerja yang dibentangkan di *Bengkel Tradisi Lisan* yang dianjurkan oleh Bahagian Kesusasteraan Tradisional, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka di Awana Genting, Genting Highland pada 5 -7 September 2000.
- Ahmad Hakimi bin Khairuddin 2001a *Skrip Dokumentari Rakaman Lagu Rakyat Perlis*. Skrip Dokumentari Projek Rakaman Lagu Rakyat Negeri Perlis anjuran Bahagian Kesusasteraan Traditional, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka yang belum diterbitkan.
- Ahmad Hakimi bin Khairuddin 2001b *Skrip Dokumentari Rakaman Lagu Rakyat Kedah*. Skrip Dokumentari Projek Rakaman Lagu Rakyat Negeri Kedah anjuran Bahagian Kesusasteraan Traditional, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka yang belum diterbitkan.

- Cobley, Paul dan Litza Jansz 2002 *Introducing Semiotics*. Cambridge, UK.: Icon Books Ltd.
- Garbarino, Merwyn S. 1983 *Sociocultural Theory in Anthropology: A Short History*. Cetakan Ketiga. Prospect Heights, Illinois: Waveland Press, Inc.
- Kamus Dewan* 1994 Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Linguistik* 1997 Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kobkua Suwannathat-Pian 1991 *Sejarah Thai Zaman Bangkok*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Langness, L.L. 1987 *The Study of Culture*. Edisi Semakan. Novato, California: Chandler & Sharp Publishers, Inc.
- Mohd. Ghouse Nasuruddin 1989 *Muzik Melayu Tradisi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Ghouse Nasuruddin 1994 *Tarian Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wallace, Anthony F.C. 1966 *Religion: An Anthropological View*. Cetakan Kedua. New York: Random House
- Zahir bin Ahmad 2000 *Pendokumentasian Tradisi Lisan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka: Tumpuan Khusus kepada Lagu-lagu Rakyat Perlis*. Kertas kerja yang dibentangkan di *Bengkel Tradisi Lisan* yang dianjurkan oleh Bahagian Kesusasteraan Tradisional, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka di Awana Genting, Genting Highland pada 5-7 September 2000.
- Zahir bin Ahmad 2001a *Lagu-lagu Rakyat Perlis*. Manuskrip Projek Rakaman Lagu Rakyat Negeri Perlis anjuran Bahagian Kesusasteraan Traditional, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka yang belum diterbitkan.
- Zahir bin Ahmad 2001b *Lagu-lagu Rakyat Kedah*. Manuskrip Projek Rakaman Lagu Rakyat Negeri Kedah anjuran Bahagian Kesusasteraan Traditional, Jabatan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka yang belum diterbitkan.